

Dr. M terkejut jadi penerima anugerah tertinggi PAM

PUTRAJAYA, 6 Nov. — Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad hari ini diumumkan sebagai penerima pertama Anugerah Presiden oleh Pertubuhan Arkitek Malaysia (PAM).

Anugerah tertinggi PAM itu bertujuan menghargai sumbangan Dr. Mahathir dalam bidang seni bina termasuk usaha beliau memperkenalkan teknologi baru kepada arkitek-arkitek di negara ini.

Pengumuman tersebut dibuat oleh Presiden PAM, Prof. Datuk Parid Wardi ketika menyampaikan ucapan pada majlis pelancaran buku berjudul *Kuala Lumpur International Airport: Gateway To Malaysia* di Jabatan Perdana Menteri di sini, hari ini.

Perdana Menteri dalam ucapannya melahirkan rasa terkejut kerana tidak menyangka akan terpilih menerima anugerah yang

baru diperkenalkan tahun ini.

“Saya terkejut kerana menjadi orang pertama penerima anugerah ini dan saya tak tahu apa yang saya hendak cakap kerana dipilih,” katanya di awal ucapan pelancaran buku tersebut.

Dengan nada bergurau, Dr. Mahathir berkata: “Kerja sebagai Perdana Menteri adalah mudah, bagi arahan kepada orang lain supaya buat kerja tapi dia (Perdana Menteri) yang dapat anugerah.”

Tahniah

Perdana Menteri turut mengucapkan tahniah kepada arkitek-arkitek Malaysia kerana berjaya menyahut seruan serta cabaran kerajaan supaya mereka memainkan peranan memutar rupa negara ini.

Buku *Kuala Lumpur International Airport: Gateway To Malaysia* yang ditulis oleh Pengerusi Ja-

panese Airport Consortium, Datuk Esa Mohamed itu dipenuhi dengan gambar KLIA dari pelbagai sudut.

Buku berkulit tebal dengan 150 muka surat itu berharga RM250 senas-khah turut dilengkapi dengan penerangan bagi setiap gambar yang dipaparkan.

Perdana Menteri di akhir ucapannya berkata, ketika KLIA mula dibuka, agensi berita asing sering memberi gambaran yang kurang tepat mengenai lapangan terbang itu.

“Ada seorang pelancong yang pertama kali tiba di negara ini menyangka akan disambut di atas pokok kerana KLIA dikatakan sebagai lapangan terbang dalam hutan.

“Dan bila tiba di sini, beliau seolah-olah tidak percaya agensi berita asing itu tidak memberitahu perkara sebenar,” katanya.